

# PERBINCANGAN BERSAMA PPU BAGI KURSUS ZZZE3012 – WORKPLACE COMMUNICATION I

Tarikh : 21 Jun 2012  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Mesyuarat Kualiti  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

## HADIR :

Prof. Ir. Dr. Mohd. Sobri Takriff	-	Pengerusi
Dr. Zarina Othman	-	Timbalan Pengarah PPU
Puan Chia Loy Khim	-	Guru Bahasa PPU
Puan Norlaila Mufti	-	Guru Bahasa PPU
Prof Dr. Mohd Raihan Taha	-	Ketua Jabatan JKAS
Prof. Madya Dr. Nurina Anuar	-	Wakil JKKP
Prof. Madya Dr. Siti Rozaimah Bt. Sheikh Abdullah	-	Wakil JKKP
Dr. Alina Marie Hasbi	-	Wakil JKEES
Encik Zaidi Mohd Noor	-	Pencatat

## TIDAK HADIR (Dengan Kenyataan)

Prof Dr. Shahrum Abdullah - Ketua JKMB  
Dr. Nik Lukman Nik Ibrahim - Ketua JSB

## PENDAHULUAN

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir perbincangan ini terutama dari PPU.

## I Tujuan Perbincangan

Perbincangan ini dijalankan berdasarkan bagi :

- a. Mendapatkan maklumbalas dari PPU berdasarkan aduan yang diterima dari pelajar JKKP semasa sesi dialog pelajar bersama jabatan yang memaklumkan pelajar dibebani dengan pelbagai tugas bagi kursus ZZZE 3012, sedangkan kursus ini hanya 2 unit sahaja.
  - b. Penambahan Kursus Bahasa Inggeris kepada pelajar FKAB
  - c. Perancangan kursus PPU bagi sesi 2012/2013

## **II. Perbincangan**

### **1. Aduan Pelajar : Beban Tugasan Kursus ZZZE3012**

- a. PPU memaklumkan semua kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia di PPU lebih berbentuk tutorial/ aktiviti luar disebabkan pengajaran bahasa adalah berbeza dengan matapelajaran yang lain dengan pecahan 2 jam kuliah dan 2 jam tutorial/praktikal.
- b. Bagi *notional hours* yang menetapkan 1 unit bersamaan 40 jam pembelajaran, kursus ini telah menepati *notional hours* ini dengan penetapan 2 unit @ 80 jam pembelajaran bagi keseluruhan kursus termasuk sesi perjumpaan dan persiapan. Walau bagaimanapun pelajar memahami bahawa kursus 2 unit hanya ada 2 jam kuliah seminggu sahaja.
- c. Bentuk Penilaian : 3 Penilaian secara berterusan dan penglibatan di dalam kelas. Tiada ujian akhir.
- d. Silibus ZZZE3012 ini dirangka bagi pelajar di Tahun 3 di mana pelajar telah didedahkan dengan penyediaan kertas kerja, pengurusan mesyuarat dan proposal. Pelajar FKAB mengambil kursus ini di Tahun 1 dan pelajar belum lagi didedahkan dengan dokumen-dokumen ini. Pelajar perlu bekerja lebih untuk menyediakan maklumat ini.
- e. Kursus ini sebaik-baiknya ditawarkan sebelum pelajar pergi mengikuti Latihan Industri
- f. Maklumbalas dari pelajar FKAB yang mengambil kursus ini di Tahun 2 dan 3, memaklumkan tiada masalah disebabkan mereka telah didedahkan dengan dokumen-dokumen kerja sekaligus memudahkan pemahaman dan praktikal.
- g. Cadangan
  - i. Penerangan kepada pelajar ZZZE 3012 berkaitan *notional hours* perlu diperincikan lagi bagi memberi kefahaman menyeluruh kepada pelajar bahawa asas kuliah dan tutorial yang dijalankan mengikut *notional hours* yang ditetapkan
  - ii. PPU akan membuat semakan silibus ZZZE 3012 berdasarkan maklumbalas yang telah diterima
  - iii. Kursus ini dipinda dari ditawarkan kepada pelajar Tahun 1 ke Pelajar Tahun 2 (bagi JSB) dan Tahun 3 (selain JSB)
- h. Tindakan
  - i. Perkara g(i) dan (ii) - Pensyarah PPU akan memberi penerangan perkara ini kepada semua pelajar pada hari pertama pengkuliahuan dan semakan perlu dibuat.
  - ii. Perkara g(ii) – akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti bagi memperincikan perkara ini.

## **2. Penambahan Kursus Bahasa Inggeris**

- a. Pelajar FKAB hanya mengambil satu kursus ZZZE 3012 bagi kursus Bahasa Inggeris sahaja disebabkan fakulti perlu memenuhi keperluan Lembaga Jurutera Malaysia dan Lembaga Arkitek Malaysia. Selain itu beberapa kursus wajib diperingkat Universiti membataskan penambahan tawaran terhadap kursus Bahasa Inggeris dan bagi mengelakkan pelajar terbeban dengan jumlah kredit yang terlalu banyak
- b. Sesi kuliah kursus wajib fakulti dan jabatan telah dijalankan dalam Bahasa Inggeris yang merangkumi pengkuliahan, pembentangan, penulisan tugas/Tesis/Laporan dan ujian akhir.
- c. Maklumbalas mendapati pelajar masih lemah di dalam penggunaan Bahasa Inggeris di dalam penulisan, komunikasi dan pembentangan dijalankan.
- d. Pihak KPT telah memberi cadangan supaya semua pelajar IPTA dan IPTS perlu ada menjalani minimum 3 kursus Bahasa Inggeris bagi meningkatkan kecekapan pelajar.
- e. Cadangan : berdasarkan *Blue Ocean Strategy (BOS)*, dicadangkan diwujudkan jaringan kerjasama di antara Pensyarah FKAB dan PPU. Pensyarah FKAB akan mengajar kuliah teknikal seperti biasa, tetapi Pensyarah PPU akan membantu pelajar untuk menyediakan laporan dan persediaan komunikasi. Semasa sesi pembentangan, Panel FKAB akan menilai dari segi laporan teknikal, manakala Panel PPU menilai dari segi bahasa. Dicadangkan kod kursus juga dibuat dalam bentuk penyetaraan/ gabungan dua kursus.
- f. Tindakan : cadangan ini akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti

## **3. Perancangan kursus PPU bagi sesi 2012/2013**

- a. Bagi penawaran kursus PPU bagi sesi 2011/2012 berlaku kelewatan yang menyebabkan cadangan tarikh yang diberikan tidak dapat dimasukkan di dalam jadual pelajar yang telah disediakan lebih awal
- b. Cadangan/Tindakan : Semakan dengan BPA akan dibuat bagi memastikan jadual kursus PPU sesi 2012/2013 diperolehi lebih awal sebelum jadual pelajar disediakan.

## **III Hal-hal Lain**

*Tiada*

Mesyuarat tamat pada jam 4.00 petang.

*Disediakan oleh:  
Pejabat Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Tarikh : 26 Jun 2012  
Rujukan : UKM1.18/174/3*